

10 MAR 2000

MUHYIDDIN DAKWA TERIMA KESAN RANCANGAN SEKAT PENCALONANNYA

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mendakwa beliau menerima kesan daripada apa yang disifatkannya sebagai rancangan untuk menyekat bahagian-bahagian UMNO daripada mencalonkan tokoh-tokoh tertentu untuk bertanding pada pemilihan parti Mei ini.

"Saya lihat pencalonan kali ini menunjukkan 'trend' luar biasa kerana saya nampak macam usaha atau rancangan menyusun senarai pencalonan," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita selepas membuat pengumuman mengenai persidangan Software Policy Summit anjuran kementeriannya dengan Business Software Alliance (BSA) pada April depan.

Muhyiddin, yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan naib presiden parti pada pemilihan Mei ini, gagal menerima sebarang pencalonan daripada 17 bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan mereka setakat ini.

Muhyiddin, Ketua Umno Bahagian Pagoh, berkata hasil tinjauan ke bahagian-bahagian UMNO di Johor yang "rapat" dengannya, beliau mendapati anggota UMNO di situ mengaku ada arahan yang dilihat sebagai usaha untuk menyekat nama beliau daripada dicalonkan.

Sementara itu Software Policy Summit akan diadakan pada 10 hingga 12 April di ibu negara sebagai satu persidangan yang akan membincangkan promosi dan perlindungan terhadap industri perisian.

Persidangan itu dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

-- BERNAMA
SLR AHH NMO